

17 OCT 2000

Zahid-Belia

PERTUBUHAN BELIA WAJAR PINDA PERLEMBAGAAN PATUHI NASIHAT PM

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) -- Semua pertubuhan belia wajar mematuhi nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan membuat pindaan drastik dalam perlembagaan masing-masing untuk menetapkan had umur pemimpin masing-masing di bawah 40 tahun.

Pengerusi MAYC Hilir Perak Datuk Ahmad Zahid Hamidi berkata saranan Perdana Menteri itu sejajar dengan Dasar Belia Negara sendiri yang menghendaki pemimpin belia berusia di bawah 40 tahun.

"Nasihat Dr Mahathir tentang hal ini perlu diberi perhatian serius kerana polemik kepimpinan pertubuhan MAYC sekarang yang melibatkan Datuk Seri Sanusi Junid dengan Datuk Seri Syed Hamid Albar telah mendapat perhatian Perdana Menteri sendiri," katanya.

Zahid, yang juga anggota Parlimen Barisan Nasional Bagan Datok, memberitahu sidang media di Lobi bangunan Parlimen hari ini bahawa MAYC harus merombak semula perlembagaan dan peraturannya sesuai dengan nasihat Perdana Menteri dan menyesuakannya dengan Pendaftar Pertubuhan (ROS).

Ketika mengulas mengenai polemik kepimpinan MAYC, Dr Mahathir semalam berkata sewajarnya kepimpinan pertubuhan belia diterajui oleh golongan belia sendiri walaupun mereka dianggap masih belum cukup bijak berbanding pemimpin yang telah berusia dan lebih berpengalaman.

Zahid berkata mungkin dalam mesyuarat agung terdekat, pertubuhan-pertubuhan belia tidak sempat melakukan pindaan perlembagaan masing-masing untuk tujuan itu tetapi mereka boleh berbuat demikian pada mesyuarat agung masing-masing selepas itu.

"Saranan PM ini juga sesuai dengan jumlah kependudukan negara ini sekarang yang terdiri daripada 60 peratus generasi belia yang berumur 40 tahun ke bawah dan sewajarnya mereka diberi peluang dan pendedahan mengasah bakat kepimpinan melalui pertubuhan belia," katanya.

Kepimpinan belia oleh belia sendiri juga akan lebih menarik minat para belia untuk menyertai persatuan yang lebih memahami kehendak dan aspirasi mereka apabila dipimpin oleh belia sendiri, katanya.

Sehubungan saranan Dr Mahathir itu, Zahid berkata beliau yang telah mengemukakan borang penerimaan pencalonan bagi jawatan Timbalan Presiden MAYC pada mesyuarat agungnya yang akan datang (yang belum diketahui tarikhnya) akan mengadakan perbincangan dan meminta pandangan rakan-rakannya terlebih dahulu.

Katanya, walaupun sukar mencari dan mengetengahkan pemimpin pertubuhan belia di peringkat kebangsaan yang berumur di bawah 40 tahun tetapi mana-mana bakat yang ada boleh diberikan latihan dan pendedahan terlebih dahulu melalui jawatan-jawatan penting seperti yang terdapat dalam MAYC sendiri.

--BERNAMA

MNY MNY RHM